



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**BIL.3 TAHUN 2018**

---

**PEKELILING BAGI LANJUTAN TEMPOH HAD USIA GANTI KENDERAAN BAGI  
PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM KELAS LESEN TEKSI  
LAPANGAN TERBANG**

**TARIKH: 7 Disember 2018**

**PEKELILING BAGI LANJUTAN TEMPOH HAD USIA GANTI KENDERAAN BAGI  
PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI KELAS TEKSI  
LAPANGAN TERBANG**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pengendali berlesen dan persatuan teksi mengenai lanjutan tempoh had usia ganti kenderaan bagi Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam ("PKPA") kelas Teksi Lapangan Terbang.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada 31 Mac 2017, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) telah mengeluarkan pekeliling Bil.2/2017 mengenai dasar baharu industri teksi dan pekeliling Bil.3/2017 mengenai migrasi teksi.
  
- 2.2 S.P.A.D telah memperkenalkan beberapa dasar-dasar baharu termasuklah pemansuhan kelas Teksi Lapangan Terbang berdasarkan pekeliling Bilangan 2 dan 3 Tahun 2017. Berdasarkan dasar baharu ini semua lesen pengendali kenderaan perkhidmatan awam ("KPA") kelas Teksi Lapangan Terbang hendaklah digantikan dengan lesen pengendali KPA kelas Teksi, Kereta Sewa atau Teksi Mewah apabila KPA kelas Teksi Lapangan Terbang tersebut telah mencapai had usia sepuluh (10) tahun.

### **3.0 KEPUTUSAN YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

- 3.1 Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perlesenan pada 29 November 2018, S.P.A.D memutuskan bahawa KPA kelas lesen Teksi Lapangan Terbang diberikan kebenaran untuk melanjutkan penggunaan kenderaan sehingga 30 Jun 2019.
- 3.2 Selepas 30 Jun 2019, semua KPA kelas Teksi Lapangan Terbang **TIDAK DIBENARKAN** untuk membuat rayuan lanjutan penggunaan kenderaan dan **DIWAJIBKAN** untuk menggantikan kenderaan yang telah mencapai had usia sepuluh (10) tahun dan menukar lesen pengendalinya kepada salah satu lesen pengendali kelas PKPA berikut:
- (a) kelas Teksi,
  - (b) kelas Kereta Sewa; atau
  - (c) kelas Teksi Mewah.
- 3.3 Semua permohonan memperbaharui lesen pengendali atau permit kenderaan dan permohonan melanjut had usia kenderaan bagi PKPA Teksi Lapangan Terbang hendaklah dikemukakan kepada S.P.A.D selewat-lewatnya pada **15 Disember 2018** tanpa perlu memajukan permohonan ubah syarat ganti kenderaan atau tukar kelas lesen.

#### **4.0 PEMAKAIAN**

- 4.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pengendali PKPA kelas Teksi Lapangan Terbang di Semenanjung Malaysia.

#### **5.0 TARIKH KUATKUASA PEKELILING**

- 5.1 Arahan-arahan dan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
**MOHD AZHARUDDIN BIN MAT SAH**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat